MUHAMMAD HAKIM KAMAL
Pensyarah Kanan Universiti Sains Islam Malaysia

Hal Situasi

Secara asasnya, *hal* (حَال) ialah fungsi nahu Arab yang bertujuan untuk menjelaskan situasi sesuatu perkara. Contohnya, firman Allah SWT dalam *Surah al-Isra'* ayat 37 (وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا...) yang bermaksud, "Dan jangan engkau berjalan di bumi dalam keadaan sombong ... ." Ayat ini mengandungi isim, iaitu مَرَحًا (sombong) yang menerangkan keadaan entiti lawan tutur أَنْتَ (engkau).

Para sarjana linguistik Arab menegaskan bahawa terdapat ciri khusus bagi kata dengan fungsi *hal*. Pada dasarnya, elemen *hal* berbentuk kata nama *nakirah* (tiada elemen ال pada awal kata) dengan hukum *mansub* yang datang selepas ayat lengkap. Contohnya, firman Allah dalam *Surah Nuh* ayat 14 (وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا) yang bermaksud, "Padahal sesungguhnya Dia menciptakan kalian dalam keadaan kejadian berperingkat." Jika diamati, kata أَطْوَارًا yang bercirikan isim, awalannya tiada ال dan *mansub* dengan tanda fathah, menunjukkan bahawa kata tersebut berfungsi sebagai *hal* yang menjelaskan keadaan penciptaan manusia. Suatu yang pasti ialah elemen *hal* (أَطْوَارًا) datang selepas laras ayat sempurna (وَقَدْ خَلَقَكُمْ).

Selain itu, terdapat elemen *hal* dalam al-Quran yang *mansub* dengan tanda ya, iaitu ayat 60 *Surah al-Baqarah* (وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ). Kata مُفْسِدِين berfungsi sebagai *hal* yang *mansub* dengan tanda ya memandangkan leksikal ini bercirikan jamak *muzakkar salim*. Kalimah مُفْسِدِينَ menjelaskan situasi entiti lawan tutur أَنْتُمْ (kalian) yang difahami daripada rangkai kata لَا تَعْثَوا.

Selain itu juga, ayat 25 *Surah al-Nisa'* (وَاٰتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ مُحْصَنٰتٍ) mengandungi kata مُحْصَنَاتٍ (menjaga maruah) yang berfungsi sebagai *hal*. Hal ini dikatakan demikian kerana kata nama ini tiada ال pada awalannya, dan datang selepas laras ayat lengkap. Pada masa yang sama, kata مُحْصَنَاتٍ bercirikan *mansub* dengan kasrah memandangkan leksikal ini tergolong dalam jamak *muannas salim*. Kata مُحْصَنَاتٍ tersebut menerangkan situasi golongan wanita (هُنَّ) yang difahami berdasarkan konteks.

Suatu yang pasti ialah elemen *hal* akan menghuraikan situasi sama ada bagi pelaku (فَاعِل) atau objek (مَفْعُول بِهِ). Misalnya, ayat 21 *Surah al-Qasas* (فَخَرَجَ مِنْهَا خَائِفًا) mengandungi elemen *hal*, iaitu kata خَائِفًا (dalam keadaan takut) yang bertujuan untuk menerangkan situasi pelaku (هُوَ) yang melatari kata خَرَجَ.

Ayat 79 *Surah al-Nisa'* (وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا) pula memperlihatkan adanya elemen *hal* (رَسُولًا) yang menerangkan keadaan *maf'ul bih* (كَ), iaitu Nabi Muhammad SAW.

Jika diamati, kata dengan fungsi *hal* sering terdapat tambahan terjemahan Melayu, iaitu "dalam keadaan" atau "sebagai". Dalam *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Abdullah Basmeih menterjemahkan kata رَاضِيَةً dalam ayat 28 *Surah al-Fajr* (ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً) dengan maksud "dalam keadaan berpuas hati" ekoran fungsinya sebagai *hal* yang menjelaskan keadaan jiwa (النَّفْسُ). Kata مُبَشِّرِينَ dalam ayat 213 *Surah al-Baqarah* (فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ) juga diterjemahkan dengan maksud "sebagai pemberi khabar gembira" memandangkan kata مُبَشِّرِينَ menerangkan situasi para nabi (النَّبِيِّينَ).

Selain itu, elemen *hal* juga datang dalam bentuk ayat yang bermula dengan *damir munfasil* dan ada partikel wau *hal* sebelumnya. Pada kebiasaannya, wau *hal* ini diterjemahkan sebagai "walhal" atau "sedangkan". Firman Allah dalam ayat 18 *Surah al-Kahfi* (وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ) memperlihatkan keterlibatan wau *hal* yang ditambat dengan rangkai kata هُمْ رُقُودٌ (mereka tidur) sekali gus menunjukkan bahawa rangkai kata berkenaan menerangkan situasi sebenar pemuda *ashab al-kahfi*.